

24/07/2002

Hanya BN pilihan rakyat: Dr M

Ahmad Fauzi Mustafa

JOHOR BAHRU, Selasa - Rakyat tidak memerlukan alternatif lain kerana Barisan Nasional (BN) sejak dulu berjaya menguruskan perbezaan antara kaum dengan jaya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejayaan yang dicapai BN adalah unik kerana sebarang konflik yang kadang kala wujud dapat diselesaikan dengan baik.

"Hasil kerjasama erat dan padu ini, kita dapat menguruskan perbezaan antara kaum dari segi agama dan kepercayaan, adat dan budaya, bahasa dan pertuturan dengan jayanya.

"Kejayaan menguruskan perbezaan ini membolehkan kita daripada pelbagai kaum duduk semeja, berkongsi kejayaan dan kemakmuran, sekali gus membuat rakyat tidak perlukan alternatif lain sebagai pelindung mereka," katanya dalam buku cenderamata Konvensyen BN peringkat Johor yang akan diadakan di Hotel Eden Garden, di sini, esok.

Seramai 400 perwakilan, termasuk 130 dari Umno, MCA (90), MIC (70), Gerakan (60) dan PPP (50), dijangka hadir dalam konvensyen bertemakan Barisan Nasional Ke Arah Kecemerlangan Bangsa Malaysia.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menggesa semua komponen BN menyuburkan perpaduan yang wujud untuk masa depan negara.

Konvensyen dimulakan dengan ucapan dasar oleh Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, diikuti pada malamnya dengan ucapan setiap wakil parti komponen.

Upacara perasmian penutup akan disempurnakan Dr Mahathir di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), di sini, pagi lusa.

Konvensyen itu bertujuan menghimpunkan semua parti komponen BN bagi meningkatkan kerjasama dan perpaduan di bawah satu lambang. Ia juga membolehkan mereka menilai semula prestasi masing-masing dan saling mengingatkan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

BN Johor berjaya mengekalkan keupayaannya menyapu bersih semua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum lalu.

Sementara itu, Abdul Ghani dalam kata aluannya berharap konvensyen itu menterjemahkan hubungan kerjasama dan perpaduan antara parti komponen dalam mendukung perjuangan BN.

Beliau berkata, menjadi aspirasi parti untuk bersatu tenaga dan bekerja lebih kuat bagi menghadapi cabaran masa depan, termasuk pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, Abdul Ghani berkata, pilihan raya tidak seharusnya menjadi satu-satunya matlamat BN, malah apa yang lebih penting kemampuan parti yang mewakili pelbagai kaum duduk semeja merancang pentadbiran dan pembangunan negeri dan negara.

"Kombinasi dalam pentadbiran kerajaan dan BN ini menjadi contoh kepada rakyat jelata bagaimana perpaduan antara kaum menjadi satu sumber kekuatan di negara ini.

"Ini terbukti apabila perpaduan terus terpelihara dan kejayaan dikongsi bersama, sejak kita mencapai kemerdekaan," katanya.